

HANYA  
sepasukan  
kecil sahaja  
dibekalkan  
dengan  
basikal yang  
dibawa dari  
Jepun.

Sebelum menyerang  
Tanah Melayu, perancang  
perang Jepun telah  
memutuskan bahawa  
basikal merupakan mod  
pengangkutan yang  
terbaik jika ingin  
menewaskan tentera  
British di sini.



# Tentera berbasikal takluk Tanah Melayu

MOBILITI  
tinggi basikal  
memberi kelebihan  
kepada tentera  
Jepun semasa  
kempen menawan  
Tanah Melayu dan  
Singapura dalam  
masa tujuh minggu  
sahaja.



Oleh ZAKI SALLEH  
zaki.salleh@kosmo.com.my

**A**NTARA kisah zaman pendudukan Jepun yang kerap diulang oleh bapa ialah mengenai basikal arwah datuk yang dirampas semasa Perang Dunia Kedua.

Ceritanya, basikal jenama Raleigh yang baru dua minggu dibeli itu dirampas seorang askar negara Matahari Terbit itu sebaik arwah datuk ditahan di hadapan rumahnya di Kampung Batu 2, Sungai Pelek, Sepang, Selangor.

Waktu itu, gerombolan askar Jepun baru mendarat di pantai Bagan Lalang untuk ke Kuala Selangor seterusnya menawan Kuala Lumpur.


Sebagai ganti, sebuah basikal yang telah rosak diberi sebelum pemilikannya seorang peniaga Cina datang menuntut keesokan hari.

Kisah yang seakan-akan sama sebenarnya berlaku hampir di semua kampung Melayu atau pekan yang disinggahi oleh tentera Jepun. Kemaraan kira-kira 30,000 tentera berbasikal dari utara dan timur ke selatan Semenanjung sebenarnya bukan satu kebetulan.

Sebelum menyerang Tanah Melayu, perancang peperangan Jepun telah memutuskan bahawa basikal merupakan mod pengangkutan yang terbaik jika ingin menewaskan tentera British di sini.

Hasilnya, strategi ini menyaksikan Tanah Melayu dan Singapura ditakluki dalam masa tujuh minggu sahaja sebelum strategi yang sama digunakan semasa Jepun menyerang Filipina kemudian.

Menurut penganalisis pertahanan, Muhammad Fuad Mat Noor, idea tentera berbasikal ini merupakan antara percaturan strategi dan taktik yang paling berkesan dalam sejarah peperangan moden.



**BASIKAL** lama jenis Raleigh buatan England ini adalah jenis basikal yang sama digunakan oleh tentera Jepun semasa menawan Tanah Melayu dan Singapura semasa Perang Dunia Kedua.

Beliau yang juga Pengarang majalah *Tempur* berkata, maklumat perisikan Jepun mendapati hampir sebahagian besar rakyat Tanah Melayu memiliki basikal sebagai pengangkutan penting ketika itu.

"Hampir setiap keluarga memilikinya termasuklah di kampung-kampung. Walaupun harganya mahal, tetapi sebuah keluarga pasti memilikinya.

"Pasukan khas perisikan yang diketuai Kolonel Masanobu Tsuji pada tahun 1941 berpendapat konsep pasukan tempur berperisai (kalvari) pula digantikan dengan infantri berbasikal kerana lebih mudah dan pantas," ujarnya.

Tambah Muhammad Fuad, rang-



**JENERAL** Yamashita (duduk paling kiri) semasa menerima nota kekalahan pihak berikat di Singapura pada 15 Februari 1942.

kaian jalan raya yang baik antara bandar-bandar utama di Tanah Melayu selain banyak laluan pedalaman seperti jalan kampung dan jalan estet memberi kelebihan jika basikal digunakan.

### Rampas basikal

"Tentera berbasikal telah memberi dimensi baharu dalam konsep infantri Jepun yang bukan sahaja bergantung kepada penggunaan kenderaan perisai dan pesawat udara," ujar beliau.

Serangan Jepun dilaksanakan oleh Pasukan Tentera Darat Ke-25 di bawah pemerintahan Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita dengan tiga divisyen terbaik dalam tentera darat Jepun.

Difahamkan daripada 20,000 infantri Jepun yang mendarat di Tanah Melayu, hanya sepasukan kecil sahaja dibekalkan dengan basikal yang dibawa dari Jepun.

Lalu tentera yang lain bertindak merampas basikal milik penduduk

kampung. Keengganan menyerahkan basikal mengundang tindakan buruk!

Oleh itu, tindakan pertama tentera Jepun sebaik menawan sesebuah bandar atau pekan di Tanah Melayu ialah mencari basikal atau merampasnya daripada penduduk setempat.

Penyelidik Kumpulan Sejarah Malaysia (MHG), Shaharom Ahmad pula memberitahu, teka-teki kemaraan pantas tentera Jepun ke selatan dengan berbasikal hanya diketahui Tentera Berikat pada 14 Januari 1941 iaitu semasa pertempuran di Gemmench, Negeri Sembilan.

Katanya, Tentera Berikat yang diketuai Panglima Divisyen Ke-8 Tentera Darat Australia, Mejar Jeneral Gordon Bennet ketika itu diarah metupkan jambatan kayu yang menghubungkan Gemas ke Kuala Lumpur.

"Kedudukan Gemas amat strategik kerana ia mempertemukan laluan dari arah pantai timur dan pantai barat Semenanjung.



Kosmo 7/12/2011

MS 23.

“Namun apa yang dilihat oleh Tentera Berikat pada petang itu cukup memeranjatkan.

“Bukan kemaraan konvoi kenderaan atau tentera berjalan kaki, sebaliknya ribuan tentera Jepun berbasikal dengan senjata terselimpang pada badan,” jelasnya.

Kemaraan tentera infantri berbasikal Jepun ini sekali gus menamatkan teka-teki pada Tentera Berikat tentang kepan-tasan pergerakan tentera infantri Jepun yang kali pertama di-saksikan.

Walaupun jambatan dibom, tentera Jepun masih mampu menyerang balas sehingga memaksa tentera berikat berundur.

Tentera berbasikal ini kemudian pantas mara ke Kuala Lumpur, melepasi bandar Muar serta mematahkan sekatan berikat dalam pertempuran di Batu Pahat dan seterusnya mara ke Singapura.

Menurut Shaharom, difahamkan sebaik pasukan ini tiba menghampiri Singapura, kebanyakan basikal yang dinaiki tentera tiada roda getah atau telah rosak kerana digunakan secara maksimum.

Katanya, keberkesanan tentera berbasikal menjadikan Jeneral Yamashita satu nama besar dalam sejarah peperangan moden.

“Kesannya juga apabila sehingga hari ini basikal Jepun kekal sebagai salah satu relik Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu yang diingati,” kata Shaharom.

TENTERA Jepun melancarkan serangan mengejut ke atas tentera laut Amerika Syarikat (AS) yang berpangkalan di Pearl Harbor.



LOGO Raleigh buatan England. Basikal ini dipamerkan di Muzium Perang Batu Maung, Pulau Pinang.

Kosmo 7/12/2011

MS 23.

KIRI: Peta menunjukkan pendaratan tentera Jepun di Tanah Melayu di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 8 Disember 1941.

## INFO PENDARATAN JEPUN



■ Penjajahan Jepun di Tanah Melayu bermula pada 8 Disember 1941. Tentera Jepun telah melancarkan serangan serangannya amfibi di Pantai Padang Pak Amat, Kota Bharu, Kelantan.

■ Sebaik saja tiba di kawasan berkenaan, tentera Jepun melancarkan pertempuran hebat ke atas tentera India British iaitu sejam sebelum tentera Jepun melancarkan serangan mengejut ke atas tentera laut Amerika Syarikat (AS) yang berpangkalan di Pearl Harbor.

■ Dari situlah bermulanya titik tolak Perang Pasifik dan merupakan sejarah pendaratan Jepun di Tanah Melayu.

■ Tentera Jepun yang mendarat di Kota Bharu, kemudiannya berpecah pada dua bahagian. Salah satu kumpulan bergerak ke Pantai Timur yang menuju ke Kuantan manakala sebuah kumpulan lagi menuju ke Sungai Perak, Perak.

■ Pada 11 Disember 1941, tentera Jepun mengebom Pulau Pinang. Kemudian, Jitra dan Alor Star, Kedah pula jatuh ke tangan Jepun pada 12 Disember 1941. Tentera British terpaksa berundur ke selatan.

■ Pada 16 Disember 1941, pihak British menyerahkan Pulau Pinang kepada pihak Jepun yang mula menguasai negeri itu.

■ Tentera Jepun datang ke Tanah Melayu menggunakan jalan dari Thailand.

# Strategi kurangkan beban logistik

TENTERA Jepun telah menggunakan strategi berbasikal seawal tahun 1892. Mereka menggunakan basikal jenis *highwheelers* semasa kempen di wilayah Utsonomiya.

Ia diikuti serangan ke atas China pada tahun 1937 yang membabitkan 50,000 infantri berbasikalnya.

Penganalisis Pertahanan, Muhammad Fuad Mat Noor berkata, penggunaan basikal bukan sahaja membolehkan infantri Jepun bergerak pantas dan mudah menyusup ke kawasan terpencil, malah mengurangkan masalah pengangkutan seperti trak dan lori.

Katanya, taktik itu sekali gus mengurangkan beban logistik seperti minyak dan alat ganti kenderaan kerana setiap anggota infantri Jepun membawa semua barang-barang peribadi mereka bersama.

"Dalam mana-mana perancangan peperangan, faktor kritikal dan penentu kejayaan ialah rangkaian logistik dan pengangkutan sebaliknya bukan semata-mata faktor kuasa tempur.

"Tentera Jepun menguasai pengangkutan di Tanah Melayu menerusi penggunaan basikal, sekali gus mengurangkan beban logistik sekiranya bergan-

tung kepada mod pengangkutan biasa seperti tentera atau berjalan kaki," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Jelas Muhammad Fuad, seorang infantri Jepun biasanya meletakkan beg galas di belakang basikal manakala barang-barang kecil disangkutkan pada palangnya.



MUHAMMAD FUAD

Senjata pula disilang di badan atau disangkutkan pada pemegang atau palang basikal.

"Bayangkan, dengan strategi mara berbasikal maka keupayaan tentera Jepun bergerak bertambah lima kali ganda berbanding berjalan kaki.

"Kekuatan dan ketahanan basikal juga membolehkan tenteranya membawa beban senjata berat seperti mesingan dan mortar," tambah Muhammad Fuad.

Jika melalui laluan sukar, mereka akan turun menolak atau menunda basikal, manakala untuk melepasi jambatan yang telah dibom, memadai dengan menyediakan jambatan sementara yang dibina daripada kepingan papan sahaja.

Beliau berkata, berbasikal juga membolehkan tentera Jepun mara dengan senyap. Jika melalui jalan tanah merah pula, yang kelihatan dari jauh hanyalah debu-debu tanah sahaja.

Kemaraan pantas tentera Jepun

hingga menghampiri selatan Tanah Melayu turut memeranjatkan para pegawai kanan tentera berikat.

"Malah pernah dilaporkan bahawa semasa kemaraan Jepun ke Johor Bahru, Johor, tenteranya diarah membuka tayar getah dan terus berkayuh dengan hanya menggunakan rim besi sahaja.

"Geseran antara permukaan jalan dengan rim besi ribuan tentera berbasikal Jepun ini menghasilkan bunyi bisik seakan-akan deruman enjin kereta kebal dan berjaya menimbulkan rasa gerun di pihak tentera berikat yang bertahan," ujarnya.

Kelebihan inilah yang menyebabkan Tentera Berikat merasa hairan bagaimana tentera Jepun boleh mara dengan pantas bersama kelengkapan tempur mereka walaupun rangkaian perhubungan seperti jambatan telah dibom.

Sehingga hari ini, salah satu imej Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu yang terus kekal dipertandakan oleh orang-orang lama ialah penggunaan basikal oleh tentera Jepun sebagai kenderaan pengangkutan.

Malah, basikal Jepun atau lebih tepat lagi basikal era 1940-an yang pernah digunakan oleh tentera Jepun ini merupakan objek penting dipamerkan di muzium negara kita.

■ Apabila Jepun datang ternyata British bukanlah suatu kuasa besar yang kebal. Orang Melayu melihat British gagal mempertahankan Tanah Melayu, apatah lagi melindungi orang Melayu daripada dijajah Jepun.

■ Pada zaman Jepun, buat julung-julung kali keseluruhan Tanah Melayu dijajah. Negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Siam, pentadbiran negeri-negeri lain digabungkan dengan Sumatera.

■ Walaupun tidak berkuasa, Jepun tetap membenarkan kedaulatan raja-raja Melayu. Tetapi rakyatnya, iaitu orang Melayu menjadi warga jajahan Jepun.

■ Namun pada Perang Dunia Kedua (tahun 1941 hingga 1945), komunis pernah bekerjasama dengan British untuk menghalau Jepun keluar dari Tanah Melayu.

■ Apatah lagi pada ketika itu komunis mendapat sokongan para penduduk apabila menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA).

■ Di Tanah Melayu, Jepun mengaku kalah secara rasminya pada 12 September 1945. Dokumen serah diri Jepun ditandatangani di Victoria Institution, Kuala Lumpur.